

0933

B 8371 DEB
MAHATHIR - PACIFIC
(1)

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERPUAS HATI DENGAN SAMBUTAN PARA PENGUSAHA HOTEL TERHADAP SERUANNYA SUPAYA MENGURANGKAN KADAR SEWA BILIK.

KADAR ITU SEKARANG TELAH DITURUNKAN SEBANYAK 40 PERATUS, KATA PERDANA MENTERI PADA PEMBUKAAN RASMI HOTEL PAN PACIFIC DI SINI.

+ BILIK-BILIK YANG DULU KADAR SEWANYA \$250 SEHARI TELAH MENURUN KEPADA \$90,+ KATANYA DAN MENAMBAH INI SATU LANGKAH YANG BAIK KE ARAH MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA HOTEL-HOTEL DI MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN PESAT.

PERDANA MENTERI BERHARAP LEBIH BANYAK RAKYAT JEPUN MELAWAT MALAYSIA SEKARANG MEMANDANGKAN KENAIKAN NILAI MATA WANG YEN DAN INI MENJADIKAN KOS LAWATAN KE MALAYSIA TIDAKLAH TINGGI. -- LAGI
2037MST 12 03 86

0936

B 8373 DEB
MAHATHIR - PACIFIC 2 KUALA LUMPUR
(1)

+PERTUKARTAN LUAR YANG DIPEROLEHI DARIPADA PARA PELANCONG JEPUN AKAN MENGURANGKAN BEBAN PEMBAYARAN SEMULA PINJAMAN,+ KATANYA.

MENGENAI PERSIDANGAN PATA APRIL INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA NEGARA SUDAH PUN BERSEEDIA MENGHADAPI PERSIDANGAN ITU DAN BERHARAP KEADAAN ITU AKAN BERTERUSAN SELEPAS PERSIDANGAN.

SEBELUM ITU, PENERUSI SRI PACIFIC CORPORATION SDN BHD, DATUK ABDUL RAHIM ABDUL RAHMAN BERKATA, PARA PENGUSAHA PELANCONGAN TEMPATAN TIDAK SEHARUSNYA BERGANTUNG KEPADA MAS DAN TDC UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PELANCONG KE MALAYSIA.

+SINGAPURA DAN THAILAND MENAWARKAN PELUANG BESAR SEBAGAI PINTU MASUK BAGI PARA PELANCONG ASING KE NEGARA INI, + KATA BELIAU.

+MEREKA HENDAKLAH Bekerjasama rapat dengan SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN DAN LEMBAGA HENGGALAKKAN PELANCONGAN UNTUK MENARIK PARA PELAWAT YANG TIBA DI RANTAU INI MELAWAT MALAYSIA, + KATA BELIAU. --
BERNAMA

2042MST 12 03 86